

Ukhuwah Islamiah

ASAS PENYATUAN UMMAH

Risalah Ma'al Hijrah
1438H / 2016M



جاتيئن دلمجاون اناسوون ملسيما
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



DR. WAN NADZIRAH BINTI WAN MOHAMAD

Ulkuuuuuh Islamiah

ASAS PENYATUAN UMMAH

Risalah Ma'al Hijrah
1438H / 2016M



جاتن دلجان اسلام ملaysia
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Cetakan Pertama 2016
© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2016

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Atur huruf dan Rekabentuk oleh:
Visual Print Sdn. Bhd.
No. 47, 47-1, Jalan Damai Raya 1,
Alam Damai,
Cheras 56000 Kuala Lumpur.

Ukhuwah Islamiah

Asas Penyatuan Ummah

Pendahuluan

Setiap awal Muharam negara Malaysia mengadakan sambutan Ma'al Hijrah sebagai suatu program keagamaan bagi meningkatkan syiar Islam. Ini penting kerana Malaysia adalah sebuah negara Islam. Kegemilangan Islam dapat diserahkan melalui kekuatan ukhuwah. Kekuatan ukhuwah yang diasaskan oleh Rasulullah SAW telah membawa kepada penyatuan ummah pada zaman tersebut yang membawa kepada perkembangan Islam ke seluruh pelusuk dunia dan kekal sebagai agama yang utuh hingga ke hari ini. Justeru, sambutan Ma'al Hijrah memberi makna yang amat bermakna kepada semua umat Islam dalam memperingati, menghayati dan melaksanakan perjuangan yang ditinggalkan oleh Baginda SAW.

RASULULLAH SAW SEBAGAI MODEL PENYATUAN UMMAH

Sejarah Islam telah melakarkan bahawa Rasulullah SAW adalah sebagai model penyatuan ummah berdasarkan kisah yang berlaku semasa pembinaan Kaabah. Kaabah telah mengalami kerosakan akibat banjir dan penduduk Mekah mencadangkan supaya kaabah dibina semula. Pembahagian kerja-kerja pembaikian di kalangan kabilah Quraisy Mekah dan dilakukan dalam suasana muhibbah. Pertelingkahan bermula di antara ketua-ketua kabilah yang mahu mereka diberi penghormatan untuk meletakkan *Hajar Aswad* di

tempat yang sepatutnya. Persetujuan tercapai iaitu orang pertama yang datang ke kaabah pada keesokkan hari adalah layak untuk membuat keputusan. Nabi Muhammad SAW merupakan orang yang pertama tiba di kaabah. Baginda SAW mengarahkan ketua-ketua kabilah Quraisy supaya memegang keempat-empat penjuru sehelai kain yang dibentangkan di atas tanah. Baginda SAW meletakkan *Hajar Aswad* di tengah-tengah kain, lalu menyuruh mereka supaya mengangkatnya serentak. Baginda SAW sendiri yang meletakkan *Hajar Aswad* di tempat yang sesuai. Kebijaksanaan dan keupayaan Nabi Muhammad SAW telah berjaya menyelesaikan isu tersebut dalam situasi aman dan damai.

Hijrah Nabi SAW daripada Mekah ke Madinah Munawwarah merupakan pelan perancangan strategik jangka panjang dalam usaha bagi mengembangkan Islam ke seluruh pelusuk dunia. Kunci kejayaan pembentukan kerajaan Islam pertama di Madinah bermula dengan wujudnya Perlembagaan Madinah yang merupakan bukti yang jelas bahawa ukhuwah islamiah merupakan asas penyatuan dan kecemerlangan ummah. Sebagaimana dimaklumi bahawa melalui perlumbagaan ini, Rasulullah SAW bukan sahaja telah berjaya menyatupadukan masyarakat Islam yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan kepercayaan, tetapi setiap kaum ini diberi hak dan tanggungjawab ke arah kesejahteraan dan kemakmuran Madinah. Melalui kebijaksanaan Rasulullah SAW ini, telah berjaya membawa negara Madinah kepada kecemerlangan melalui jiwa dan semangat ukhuwah yang mantap.

Antara perkara terawal yang dilakukan oleh Rasulullah SAW untuk mencapai kecemerlangan di Madinah ialah dengan mempersaudarakan kaum Muhajirin dan Ansar melalui ukhuwah islamiah yang dapat menjalinkan ikatan mesra dengan penuh keikhlasan. Di atas dasar akidah telah mendorong golongan Ansar untuk membantu kaum Muhajirin. Semangat persaudaraan pula mengundang pihak Ansar untuk berkongsikekayaan, kesejahteraan dan kehidupan yang selesa dengan pihak Muhajirin yang telah terpaksa meninggalkan sanak saudara, harta benda demi untuk menyelamatkan diri dan juga agama Islam itu sendiri. Inilah contoh semangat persaudaraan yang erat dan mesra, jika dilihat kini agak terhakis dalam masyarakat Islam pada hari ini. Sebagaimana Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“... Seorang Muslim adalah saudara dengan Muslim lainnya. Dia tidak boleh menganiayanya, tidak boleh tidak mempertahankan maruahnya dan tidak menghinanya. Taqwa di sini, sambil menunjukkan ke dadanya sebanyak tiga kali. Memadailah seseorang itu dikatakan melakukan kejahanan sekiranya ia menghina saudaranya yang Islam. Setiap Muslim bertanggungjawab ke atas Muslim yang lain (dengan menjaga) darahnya, maruahnya dan hartanya”
(Riwayat Muslim)

Baginda SAW juga telah mendirikan masjid pertama di Quba' yang merupakan satu tempat signifikan untuk digunakan sebagai pusat sosial masyarakat. Di sinilah mereka berkumpul, bertukar-tukar pendapat dan menjalankan pelbagai aktiviti yang secara tidak langsung dapat menyatupadukan masyarakat Islam. Penyatuan umat Islam adalah faktor terpenting kejayaan sebuah negara yang membawa kepada kekuatan. Ini adalah selaras dengan hadith Rasulullah SAW yang bermaksud:

“... Sedangkan jamaah itu membawa rahmat dan perpecahan itu membawa azab” (Riwayat Ahmad).

DEFINISI

Ukhuwah Islamiyah

Dari segi Etimologi, perkataan ukhuwah berasal dari kata dasar *akhun*. Perkataan *Akhun* ini bermaksud saudara kandung/seketurunan/kawan. Perkataan ukhuwah bermaksud persaudaraan atau persamaan dan keserasian dengan pihak lain, persamaan keturunan, agama dan perasaan. Menurut pendapat Dr. Abdullah Nashih Ulwan, ukhuwah islamiah adalah ikatan kejiwaan yang melahirkan perasaan mendalam dengan kelembutan, cinta dan sikap hormat kepada setiap orang yang diikat dengan akidah islamiah, iman dan taqwa. Mengikut Kamus Dewan, perkataan ukhuwah islamiah membawa erti persaudaraan dalam Islam. Manakala Imam al-Ghazali mentakrifkannya sebagai perasaan saling mencintai kerana Allah SWT. Justeru, ukhuwah islamiah merupakan satu ikatan akidah yang dapat menyatukan hati semua umat Islam, walaupun tanah air mereka berjauhan, bahasa dan bangsa mereka berbeza. Setiap individu di kalangan umat Islam sentiasa terikat antara satu sama lain, umpama sebuah bangunan yang kuat dan kukuh.

PENYATUAN UMMAH

Mengikut Kamus Dewan, perkataan penyatuan bermaksud perihal menyatukan. Manakala perkataan ummah adalah merujuk kepada umat Islam. Dengan kata lain, penyatuan ummah membawa maksud masyarakat Islam mestilah bersatu hati dalam menyelesaikan pelbagai masalah, bekerjasama di antara satu sama lain dan juga berusaha untuk menjadi umat yang kuat serta mengekalkan keselamatan, kesejahteraan dan kemakmuran negara.

CIRI-CIRI UKHUWAH ISLAMIAH DALAM MENYATUKAN UMMAH

Islam telah menjelaskan beberapa ciri ukhuwah islamiah yang dapat menjamin dan menyatukan ummah seperti yang dianjurkan oleh al-Qur'an dan hadith, antaranya ialah:

1) Berpegang Teguh dengan Ajaran dan Syariat Islam

Islam menganjurkan umatnya supaya berpegang teguh dengan ajaran Islam dan dilarang berpecah belah. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam al-Qur'an yang bermaksud:

"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa Jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatupadu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya"
(ali- 'Imran:103)

Mengikut *Tafsir al-Wasit* ayat di atas menjelaskan kepada semua umat Islam supaya bersatu padu dengan mematuhi ajaran dan syariat Islam serta menjauhi larangannya agar kehidupan mereka selamat di dunia dan akhirat.

2) Menghayati Konsep Khalifah

Pemimpin Islam yang menjadi khalifah di muka bumi ini adalah pemimpin yang diberi amanah oleh Allah SWT untuk memerintah, mentadbir, mengurus, menguasai dan memakmurkan alam ini mengikut perundangan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Hal ini telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam al-Qur'an yang bermaksud:

"Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmah ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya" (al-Baqarah: 30).

Pemerintahan merupakan institusi terpenting yang berfungsi untuk membolehkan segala perundangan Allah SWT itu dapat dilaksanakan sepenuhnya. Adalah menjadi kewajipan ke atas setiap individu Muslim untuk membentuknya. Kedudukan seseorang pemimpin adalah sebagai benteng kepada penyatuan ummah. Sebagai Muslim kita dituntut mentaati pemimpin sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (al-Qur'an) dan (Sunnah) Rasul-Nya jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya" (An-Nisa': 59).

Untuk menjaga penyatuan ummah, Islam milarang perselisihan pendapat, pandangan atau sebagainya tentang sesuatu isu atau perkara hingga menyebabkan negara berada dalam suasana tidak aman dan harmoni. Larangan tersebut disebabkan ia boleh membuka ruang dan peluang ke arah perpecahan ummah dan boleh memberi implikasi kepada keamanan negara. Sehubungan itu Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar” (al-Anfal:46).

Begitu juga dengan pesanan Imam al-Ghazali dalam perkara ini iaitu “sesuatu umat itu perlu mantap pegangan agamanya. Tidak sempurna agama melainkan seiring dengan dunia. Agama itu tiang utama, sementara kekuasaan itu adalah penjaganya. Sesuatu yang tidak bertiang, pasti akan runtuh dan sesuatu yang tiada pengjaga, pasti akan musnah dan hilang”.

3) Menghindari Sifat Mazmumah yang Merosakkan Persaudaraan

Prinsip ukhuwah atau persaudaraan ialah mencari titik persamaan yang dapat mengikat kasih sayang dan mendorong kepada kekuatan di kalangan segolongan manusia. Bagi mencapai matlamat ini, umat Islam hendaklah menghindari secara langsung segala sifat tercela dan dibenci seperti bersangka buruk, cemburu, iri hati, hasad dengki, fitnah memfitnah, mencari kesalahan dan seumpamanya daripada setiap individu Muslim. Al-Qur'an dengan jelas mengharamkan sifat-sifat tersebut sebagaimana firman Allah SWT bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemohkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak

yang dicemohkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu panggil memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik, maka) amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. Dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka mereka lah orang-orang yang zalim” (al-Hujurat: 11).

Begitu juga dengan hadith Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Janganlah kamu memutuskan silaturahim dan janganlah kamu tidak bertegur sapa, dan janganlah kamu berbencici bencian dan janganlah kamu berdengki-dengkian dan jadilah kamu semua sebagai hamba Allah yang bersaudara...”
(Riwayat at-Tirmizi).

Berdasarkan al-Qur'an dan hadith di atas secara jelas mlarang kewujudan sifat-sifat negatif dalam diri setiap individu Muslim, kerana ianya mengalakkan kepada permusuhan, konflik yang boleh membawa kepada kehancuran ikatan ukhuwah islamiah dan menghalang terbentuknya penyatuan ummah.

4) Mengamalkan Nilai-Nilai Murni ke arah Menjalankan Hubungan Silaturahim

Islam adalah agama yang amat prihatin dan mengambil berat terhadap ikatan ukhuwah islamiah umatnya agar mereka dapat hidup dalam suasana yang aman dan harmoni. Oleh itu masyarakat Islam perlu menghayati nilai-nilai yang mulia dalam kehidupan sehari-hari mereka. Antara nilai tersebut seperti bertolak ansur, tolong menolong, memupuk persefahaman, menegakkan keadilan, berkasih sayang dan seumpamanya. Pengamalan nilai-nilai yang mulia ini akan membawa kepada keteguhan ikatan ukhuwah islamiah.

Melaksanakan nilai-nilai murni tersebut termasuk melakukan keadilan dalam setiap tindakan yang diambil akan membawa

masyarakat kepada sikap saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Perasaan permusuhan dan benci-membenci dapat dihilangkan sedikit demi sedikit. Keadilan yang dilaksanakan itu sendiri merupakan salah satu kaedah bagi menutup ruang-ruang kemusnahan (*Sadd al-Zara'ie*) yang mungkin berlaku di kalangan anggota masyarakat atau mengelakkan pencerobohan ke atas hak-hak yang telah ditetapkan. Keadilan menurut Islam merupakan suatu perintah rabbani iaitu satu perbuatan yang menunjukkan kepatuhan, ketaatan serta ketundukan kepada Allah SWT, kebertanggungjawaban individu yang melaksanakannya mencerminkan keyakinan yang mendalam kepada Pencipta. Hal ini menjelaskan keadilan dalam Islam adalah keadilan yang mutlak dan menyeluruh dalam semua bidang. Islam memandang keadilan bukanlah berakhir di dunia sahaja, tetapi mempunyai implikasi di akhirat dalam bentuk dosa dan pahala. Hal ini akan mendorong masyarakat supaya berlaku lebih adil, kerana dengan melakukan keadilan kepada semua masyarakat akan memberi implikasi ke arah menyatupadukan masyarakat Islam dan bukan Islam. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)” (al-Hujurat: 13)

Sifat saling kenal-mengenal sesama Islam dan hidup dalam suasana harmoni dengan pelbagai bangsa dan suku kaum amat dituntut dalam Islam. Ianya bertujuan untuk beramah mesra antara satu sama lain. Untuk memperkuatkhan semangat ukhuwah islamiah yang menjadi tonggak kepada hubungan kasih sayang sesama manusia, Islam menggalakkan umatnya berkenal-kenalan di antara satu sama lain termasuklah masyarakat bukan Islam, kerana negara Malaysia adalah terdiri daripada masyarakat berbilang kaum dan agama. Justeru, persahabatan dan ukhuwah islamiah tersebut perlu diperluaskan

kepada semua masyarakat dan bangsa lain yang tinggal di dalam sesebuah negara termasuklah negara Malaysia.

Hikmah dijadikan manusia adalah untuk saling kenal-mengenal antara satu dengan yang lain dan antara satu bangsa dengan bangsa lain. Budaya saling mengenali ini adalah satu daripada ciri dan nilai dalam penyatuan ummah. Negara kita juga merupakan negara yang mempunyai masyarakat majmuk, iaitu negara yang terdiri daripada pelbagai rumpun bangsa, bahasa, pegangan agama dan latar belakang kehidupan. Faktor perbezaan dalam Islam adalah berdasarkan nilai taqwa kepada Allah SWT. Nilai taqwa tersebut yang ada dalam diri setiap individu sebagai indikator hamba dan ummah yang terbaik lagi berkualiti. Taqwa adalah sifat terpuji paling tinggi kedudukannya di sisi Allah SWT. Sifat taqwa ini akan menjadi sifat yang akan menapis atau menyaring sifat-sifat yang tidak baik dalam diri manusia. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Wahai manusia! Sesungguhnya Tuhan kamu satu dan sesungguhnya bapa kamu juga satu. Tidak ada kelebihan bagi seorang berbangsa Arab atas orang ‘Ajam (bukan bangsa Arab) dan tidak juga ada kelebihan seorang ‘Ajam atas seorang berbangsa Arab dan tidak juga ada kelebihan orang yang berkulit merah atas orang berkulit hitam dan tidak ada juga kelebihan orang berkulit hitam atas orang berkulit merah, melainkan dengan taqwa, adakah engkau telah sampaikan?...” (Riwayat Ahmad)

Hidup berkasih sayang merupakan salah satu ciri penting dalam menyatukan ummah. Berkasih sayang dan belas kasihan sesama umat Islam itu merupakan perkara yang amat besar impak manfaatnya dalam seluruh kehidupan ummah. Justeru, Rasulullah SAW mengumpamakan umat Islam atau umat yang beriman itu seperti satu jasad. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Bandingan orang yang beriman itu dalam berkasih sayang, rahmat-merahmati dan berkasihan belas, laksana satu badan, apabila satu anggota mengadu sakit, seluruh badan akan turut deman dan berjaga malam” (Riwayat Muslim)

Sifat saling memupuk persefahaman dalam hubungan ukhuwah di antara umat Islam akan mewujudkan suasana yang aman dan harmoni kerana setiap individu Muslim boleh memahami dan menerima kekuatan atau kelemahan, sehingga membawa kepada saling membantu dalam ikatan ukhuwah. Usaha ke arah saling memahami antara satu dengan yang lain akan mempertautkan hati dan membawa kepada kesatuan ukhuwah islamiah yang teguh. Setelah adanya persefahaman sesama umat Islam maka dengan mudah akan saling membantu dan memenuhi tuntutan antara satu sama lain. Manusia tidak dapat hidup dengan sempurna secara bersendirian. Mereka saling memerlukan antara satu sama lain. Nilai hidup berjamaah adalah sangat bergantung kepada sikap saling membantu sama ada dari segi harta, tenaga, nasihat-menasihati atau saling mendoakan kebaikan. Justeru, umat Islam dituntut supaya bantu-membantu dalam hal-hal kebaikan sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“...Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebaikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)” (al-Ma’idah: 2).

Mengikut *Tafsir al-Wasit*, maksud ayat di atas menjelaskan supaya umat Islam tolol menolong dalam melakukan perkara kebaikan yang dibenarkan oleh syarak dan dilarang daripada melakukan dosa dan maksiat serta pencerobohan yang ditegah oleh syarak, kerana ia boleh memberi impak negatif ke arah perpecahan ummah.

CABARAN UKHUWAH MASA KINI

Cabarannya utama ke arah penyatuan jiwa ukhuwah islamiah ialah perbezaan mazhab dan pendapat serta ideologi. Perbezaan pendapat yang membawa kepada perpecahan telah wujud dalam sejarah peradaban Islam bermula dari kewafatan Rasulullah SAW. Kemuncak kepada perbezaan pendapat ini telah menyebabkan perpecahan aliran pemikiran dalam Islam. Golongan-golongan ini saling menidakkann sumbangan pihak yang lain dan melahirkan pelbagai slogan dan fatwa yang bercanggah dengan syariat Islam. Umat Islam pada hari ini suka

bertelagah berkaitan perkara furu' yang boleh merugikan masyarakat Islam sendiri.

Seterusnya cabaran dan isu ideologi atau "isme" telah mengganggu dan mengusutkan pemikiran orang Islam. Ideologi dan isme ini telah berada dalam pemikiran umat Islam seperti sekularisme, pragmatisme, fundamentalisme, komunisme, sosialisme, kapitalisme, liberalisme, pluralisme dan sebagainya.

Kepentingan diri merupakan tembok yang paling besar kepada penyatuan ummah. Seringkali manusia kalah apabila berlaku konflik antara kepentingan diri dan kepentingan umum. Prinsip yang terdapat dalam Islam adalah jelas, apabila berlaku konflik ini, kepentingan umum adalah mengatasi segalanya. Hanya iman dan taqwa yang mampu mengenepikan kepentingan diri demi untuk saudara Islam dan agama Islam umumnya.

Perpecahan sememangnya merugikan tetapi persoalannya mengapa umat Islam masih terjebak dalam perselisihan dan perpecahan walaupun dilarang dalam agama. Jawapan kepada persoalan ini bukan semata-mata terletak kepada lemahnya penghayatan agama, tetapi didorong oleh hasutan musuh-musuh tradisi Islam yang tidak pernah padam.

Dalam Tafsir Pedoman Muttaqin telah menjelaskan bahawa musuh Islam akan terus berusaha sedaya upaya untuk memperdaya orang Islam supaya mengikut kehendak mereka. Justeru, mereka akan menggunakan pelbagai cara dan jalan untuk merosakkan akidah dan akhlak umat Islam. Walau bagaimanapun, peringatan Allah SWT itu tidak diambil berat oleh segolongan orang Islam. Maka tidak hairanlah terdapat di kalangan segelintir orang Islam, yang mudah terpedaya dengan musuh Islam. Akibatnya, Islam sesama Islam bercakaran dan berpecah-belah, sedangkan musuh-musuh Islam, ketawa meraih kejayaan memperdaya orang Islam yang alpa terhadap amaran dan peringatan Allah SWT. Agama Islam sentiasa dicabar dan dipersenda, maka semua masyarakat Islam perlu bersatupadu dan berjuang bagi mempertahankan kesucian Islam dan hak umat Islam.

Umat Islam pada hari ini diserang dari pelbagai arah, sama ada serangan secara fizikal atau spiritual seperti serangan dalam bentuk pemikiran, politik, ekonomi, sosial dan sebagainya. Kekuatan utama umat Islam pada hari ini adalah dengan mengekalkan penyatu-

sesama masyarakat Islam. Kita diciptakan oleh Allah SWT dengan kriteria dan watak yang berbeza-beza. Kita berbeza dari segi adat, budaya dan cara hidup serta ideologi. Namun kita dituntut untuk bersatu padu demi agama, bangsa dan negara. Inilah sebenarnya Manhaj Islami demi mencapai penyatuan ummah. Kesatuan fikrah akan membawa kepada kesatuan tindakan. Dengan ikatan akidah Islam yang kukuh, segala halangan akan dapat diatasi kerana Islam itu adalah penyatu bukan pemecah. Justeru, marilah sama-sama kita merenung firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat” (al-Hujurat: 10).

Penghayatan akhlak Islam mempunyai peranan yang penting dalam membentuk penyatuan ummah iaitu melalui adab dan ketertiban sosial semasa berkomunikasi sesama mereka. Sekiranya masyarakat Islam mengambil sikap mementingkan diri sendiri, tidak prihatin dengan orang lain, egois, rendah tahap keprihatinan dan toleransi, ia merupakan bibit kepada perpecahan dan akan mengundang sengketa. Oleh itu salah satu tujuan perutusan Rasulullah SAW adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia. Ini adalah selaras dengan hadith Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Aku diutuskan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak (manusia)” (Riwayat Imam Malik).

Umat Islam adalah umat terbaik. Oleh itu mereka perlu mengambil ictibar daripada sejarah kekuatan dan kesilapan yang lampau. Mereka perlu mengenalpasti faktor-faktor yang boleh membawa kekuatan kepada ukhuwah islamiah dan juga punca yang menyebabkan kerenggan hubungan sehingga membawa kepada berpecah belah dan ketinggalan berbanding dengan bangsa-bangsa lain. Antara punca-punca kelemahan umat Islam pada masa kini adalah disebabkan kejahilan dan ketandusan ilmu sesetengah masyarakat Islam tentang ajaran Islam, timbulnya pelbagai pandangan dan aliran pemikiran yang bercanggah dengan ajaran Islam yang akhirnya memberi impak negatif kepada penyatuan ummah. Seterusnya kelemahan dan kedaifan sesetengah masyarakat Islam dalam menguasai bidang ekonomi

sehingga menyebabkan mereka ditindas dan tidak berupaya berdaya saing dengan orang lain. Implikasinya mereka masih berada di tahap yang sama atau mengalami kerugian. Cabaran cara hidup Islam juga telah mengalami proses perubahan kepada gaya kehidupan yang lebih memberi penekanan kepada aspek hedonisme dan materialistik.

PENUTUP

Penyatuan ummah merupakan isu yang boleh dilihat dari pelbagai dimensi. Peranannya merangkumi sistem nilai, psikologi, perasaan, sikap, pemikiran dan tingkah laku setiap individu. Faktor agama pula bertindak sebagai pencorak dalam mengaplikasikan unsur-unsur tersebut dalam kehidupan masyarakat. Penyatuan ummah amat penting bagi mengelak berlakunya perpecahan dalam masyarakat. Oleh itu, Islam menyarankan supaya umatnya menghayati konsep jamaah seperti yang disabdakan oleh Rasulullah SAW yang bermaksud:

“...Hendaklah kamu bersama jamaah, dan janganlah kamu berpecah (daripada jamaah)...” (Riwayat at-Tirmizi).

Kehidupan umat yang dianjurkan oleh Islam adalah satu umat yang hidup dalam kerukunan, sejahtera dan damai seperti sebuah bangunan yang teguh berdiri. Ajaran Islam menghendaki umatnya bersatu padu, bermusyawarah dalam menyelesaikan segala isu yang timbul, menegakkan keadilan dan kebenaran, saling menasihati, saling tolong-menolong, saling hormat menghormati, bertimbang rasa, mengamalkan sikap bersederhana dalam apa jua tindakan, tidak melampau, saling bermaafan, mendoakan, mengeratkan hubungan silaturahim dan sebagainya. Kehidupan seperti ini pernah terwujud dalam kehidupan generasi pertama dalam masa dakwah islamiah di zaman Nabi Muhammad SAW. Sucikanlah hati-hati manusia dengan membuang sifat-sifat mazmumah dan menghiaskan diri dengan sifat-sifat mahmudah serta memperbaiki amalan dan akhlak supaya menjadi orang yang selamat di dunia dan selamat di akhirat.

● RUJUKAN ●

- al-Qur'an. 2013. *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Edisi 22. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdul Hayei Abdul Sukor. 2010. *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Juz 1. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdullah Nashih Ulwan. 1990. *Pendidikan Anak Menurut Islam*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Abdul Latif Samian. 2008. Pembelaan hak kumpulan minority. *In Islam Hadhari: Pendekatan Pembangunan Peradaban*, eds. Mahmood Zuhdi Abdul Majid et.al. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Abdul Monir Yaacob. 2005. Hak dan tanggungjawab pelbagai kaum dari perspektif syariah. *In Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Anas, Malik. 1992. *al-Muwatta'*. Cetakan kedua. Istanbul: Dar Sahnun, Tumis
- al-Ghazali. 1997. *Mutiara Ihya' Ulumuddin*. Bandung: Mizan.
- Hanbal, Ahmad. 1993. Musnad Ahmad. Juz 4. Cetakan pertama. Beirut. Dar Kuttub al-Ilmiah.
- . 2013. *Kamus Dewan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- . 2000. *Mausuah al-Hadith al-Syarif al-Kutub al-Sittah*. Abu al-Husain Muslim bin al-Hajaj bin Muslim al-Qusyairy, Sahih Muslim. Ahmad. Abu Isa Muhammad bin Isa bin Surat Ibn Musa at-Tirmizi, Jami' al-Tirmizi. Darul Salam: al-Mamlakah al-Arabiah al-Saudiah.
- al-Mu'jam al-Arabiyy al-Asasi*. 1988. Munazzamah al-'Arabiyyah lil-Tarbiyah wa-al-Thafaqah wa-al-'Ulum. Paris: Larose.
- Mustafa Daud. 1997. *Al-Qur'an Sumber Tamaddun Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Rahman, Afzalur. 2002. *Ensiklopedia Sirah*. Terj. Zaharah Salleh. Jilid 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zuhayli, Wahbah. 2001. *al-Tafsir al-Wasit*. Juz Pertama. Dimasyq: Dir al-Fikr.